

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DILULUSKAN
OLEH MAJLIS MESYUARAT NEGARA DI BAWAH PERKARA 83(7)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(8) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini diberitahu untuk makluman orang ramai bahawa Majlis Mesyuarat Negara telah, menurut Perkara 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, membuat ketetapan pada 11 haribulan Mac, 2007 bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan dinyatakan dalam Jadual di bawah ini, masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu dibuat, diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negara.

JADUAL

1. Perintah Pihak Berkuasa Sungai Liang, 2007 (S 14/07).
2. Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 6), 2007 (S 17/07).
3. Perintah Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil) (Pindaan), 2007 (S 29/07 dan S 26/08).
4. Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil) (Pindaan), 2007 (S 30/07 dan S 27/08).
5. Perintah Akta Pasport (Pindaan), 2007 (S 33/07).
6. Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2007 (S 34/07).
7. Perintah Matawang dan Monetari (Pindaan), 2007 (S 39/07 dan S 12/08).
8. Perintah Akta Hutan (Pindaan), 2007 (S 47/07 dan S 33/08).
9. Perintah Insurans (Pindaan), 2007 (S 54/07 dan S 28/08).
10. Perintah Pendidikan Wajib, 2007 (S 56/07 dan S 31/08).
11. Perintah Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan (Pindaan), 2007 (S 58/07 dan S 29/08).
12. Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2007 (S 59/07 dan S 32/08).

13. Perintah Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini (Pindaan), 2007 (S 60/07 dan S 30/08).
14. Perintah Kesalahan Maritim (Kapal dan Pelantar Tetap), 2007 (S 61/07).
15. Perintah Fauna dan Flora Liar, 2007 (S 77/07).
16. Perintah Ubat, 2007 (S 79/07).
17. Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2008 (S 5/08).
18. Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan), 2008 (S 14/08).
19. Perintah Akta Agensi Pelaburan Brunei (Pindaan), 2008 (S 15/08).
20. Perintah Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan), 2008 (S 20/08).

Bertarikh pada hari ini 3 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 11 haribulan Mac, 2008.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.